

Isnin – 17 Ogos 2020

Halaman : 31

Orang Asli perketat kawalan

KLUANG: Bagi mengekang penularan Covid-19, sembilan perkampungan Orang Asli di sekitar Kahang dekat sini mengambil inisiatif mengetatkan kawalan pergerakan keluar masuk dari pukul 7 pagi hingga 8 malam.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, R. Vidyananthan berkata, langkah itu perlu bagi memastikan pandemik itu tidak menular ke dalam penempatan mereka.

Beliau berkata, tok batin di setiap kampung juga bertindak sebagai barisan hadapan kerajaan dengan menerangkan prosedur operasi standard (SOP) yang wajib dipatuhi.

“Melihat apa yang berlaku sekarang, tidak mustahil pandemik ini boleh merebak ke dalam kampung sekiranya tiada langkah berjaga-jaga dilakukan,” katanya pada majlis Sambutan Hari Orang Asli peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Kahang di Kampung Orang Asli Berasau di Pekan Kahang di sini, baru-baru ini.

Yang hadir Pengarah Kemajuan Orang Asli Negeri Johor, Faisal Long; Pegawai Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Kluang, Haslinda Husin dan Timbalan Ketua UMNO Bahagian Sembong, Datuk Abdul Ghani Abdul Rashid.

Vidyananthan berkata, semua tok batin harus membuat perancangan terperinci di kampung masing-masing dengan memberikan penerangan kepada penduduk berkaitan SOP ditetapkan kerajaan.

“Kawalan pergerakan ini adalah sesuatu yang baik dan perlu diperlukan ke kampung lain,” katanya.